

05 JUN 2000

Mahathir-ganti

MUSTAPA GANTI YUSOF NOR SEBAGAI KETUA PENERANGAN UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan pelantikan ketua Umno bahagian Jeli, Datuk Mustapa Mohamed sebagai Ketua Penerangan Umno yang baru

Mustapa yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno menggantikan Datuk Dr Yusof Nor.

Dr Mahathir membuat pengumuman itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat Umno, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Presiden Umno itu turut mengumumkan pelantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai Bendahari parti dan Tan Sri Khalil Yaakub sebagai Setiausaha Agung Umno.

Selaku presiden parti, Dr Mahathir boleh melantik sesiapa bagi jawatan ketua penerangan, setiausaha agung dan bendahari Umno.

Mustapa yang ditemui selepas mesyuarat itu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau untuk menjawat jawatan itu.

"Saya akan jalankan tugas sebaik mungkin walaupun tugas yang saya pikul ini amat mencabar bagi kita untuk memulihkan imej parti," katanya.

-- BERNAMA

ARA NMO